



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: alirsyad@kuis.edu.my  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 1, June 2020**

## Pendekatan Mengurus Konflik dalam Rumah Tangga Bermadu

*[Approach in Managing Conflict in A Polygamous Household]*

**Mariam Abd Majid<sup>1\*</sup>, Sahlawati Abu Bakar<sup>1</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>1</sup>, Salasiah Hanin Hamjah<sup>2</sup>, Zulkefli Aini<sup>2</sup>, Mohd Ridhuan Mohd Jamil<sup>3</sup>, & Naqibah Mansor<sup>1</sup>.**

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

<sup>2</sup> Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Malaysia.

<sup>3</sup> Politeknik Nilai, 71760 Nilai, Malaysia.

\* Corresponding Author: Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid. Department Da'wah & Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Email: mariam@kuis.edu.my, Tel: (+60) 0193501617.

---

**Keywords:**

Factor; Approach;  
Managing Conflict;  
Household; Polygamous

---

**ABSTRACT**

*Conflict is an unavoidable condition and is part and parcel of life in a household, especially in the lives of a polygamous household. This article aims to present the factors that contribute to household conflict and the approach in managing them. The data were obtained through semi-structured interviews with sampling techniques aimed at 5 sister-wives and 1 polygamous husband. The interview data transcriptions were analyzed to form themes and sub-themes and validation was performed using Cohen Kappa calculations. The data analysis revealed that the internal factors which trigger conflict are secretive marriage, lack of concern, jealousy, and misunderstanding, whereas the external factors are neglecting responsibility, difficulty in adjusting, and lack of communication. Among the approaches taken to manage this conflict are to hold discussions, to be generous, to be tolerant, to care for each other, to appreciate, to be patient, to accept the qada 'qadar of Allah Almighty, to protect the household's honour, and to limit unimportant social activities. This finding can serve as a guide in the management of polygamous household conflicts.*

---

**Kata Kunci:**

Faktor; Pendekatan;  
Mengurus Konflik; Rumah  
Tangga; Bermadu

---

**ABSTRAK**

Konflik adalah satu keadaan yang sukar dielakkan dan menjadi asam garam alam rumah tangga, lebih-lebih lagi dalam kehidupan rumah tangga bermadu. Artikel ini bertujuan mengemukakan faktor-faktor yang mencetuskan konflik rumah tangga bermadu serta pendekatan mengurusnya. Data diperolehi melalui temu bual separa berstruktur dengan teknik persampelan bertujuan iaitu terhadap 5 orang isteri bermadu dan 1 orang suami berpoligami. Transkripsi data temubual dianalisis bagi membentuk tema dan sub tema dan proses keesahan dilakukan menerusi pengiraan Cohen Kappa. Analisis data mengemukakan faktor dalam yang



mencetuskan konflik iaitu merahsiakan perkahwinan, kurang keprihatinan, perasaan cemburu dan salah faham manakala faktor luaran ialah pengabaian tanggungjawab, sukar membuat penyesuaian diri dan tiada komunikasi. Antara pendekatan yang dilakukan untuk mengurus konflik ialah mengadakan perbincangan, berlapang dada, bertolak ansur, menjaga hati, menghargai, sabar, redha dengan qada' qadar Allah SWT, menjaga rahsia rumah tangga dan menghadkan aktiviti sosial yang tidak penting. Dapatkan ini boleh djadikan panduan dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu.

Received: February 05, 2020

Accepted: May 21, 2020

Online Published: June 04, 2020

## 1. Pengenalan

Rumah tangga terbina hasil sebuah ikatan perkahwinan bertujuan memperolehi ketenangan, kasih sayang dan rahmah. Tujuan perkahwinan ini dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam surah *al-Rūm* ayat 21:

وَمِنْ عَائِتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”*

Ayat ini menjelaskan bahawa antara bukti kekuasaan Allah SWT ialah penciptaan isteri bagi suami untuk memperolehi ketenangan dan Allah SWT membuaikan perasaan kasih sayang dan rahmah di antara pasangan suami dan isteri agar sentiasa hidup dalam keharmonian rumah tangga (Ibn Kathīr, 1998; al-Marāghī, 1985). Berdasarkan tafsiran ayat ini, perkahwinan dibina bertujuan menikmati ketenangan, kasih sayang dan rahmah dalam rumah tangga, namun pasangan suami dan isteri sudah pasti berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan untuk mencapai matlamat perkahwinan bagi mengekalkan keharmonian dalam rumah tangga. Konflik merupakan antara cabaran dalam perkahwinan yang sukar dielakkan kerana sering berhadapan dengan dugaan, perselisihan faham serta pertelingkahan (Hafizah, et. al., 2017; Nur Anis & Nurbazla, 2019).

Konflik wujud apabila terjadi pertentangan antara kehendak, nilai atau tujuan yang dicapai sehingga menyebabkan keadaan tidak tenteram sama ada dalam diri individu mahu pun dengan orang lain. Konflik boleh berlaku dalam pelbagai bentuk yang disebabkan oleh perbezaan, kepercayaan, ideologi, fahaman, adat istiadat, kepentingan diri atau kaum dan sebagainya (Bharuddin Che Pa, Ajidar Matsyah, 2013). Konflik biasanya dimanifestasikan sebagai pergaduhan, kemarahan, pencerobohan, kekerasan, atau kebencian (Igbo, et. al., 2015).

Konflik rumah tangga mesti diurus bagi mengelakkan masalah yang lebih serius berlaku seperti pertengkaran, perselisihan atau pertembungan di antara kedua pasangan. Konflik rumah tangga berlaku apabila timbul perselisihan atau pertentangan pendapat, kehendak serta perancangan di antara suami isteri sekaligus mengganggu sistem keharmonian sesebuah rumah tangga (Norhayati Hamzah, 2006). Bagi mengurus konflik yang berlaku, pasangan suami dan isteri terlebih dahulu perlu mengenal pasti punca timbulnya konflik dalam rumah tangga (R. Cherni, 2013). Mengurus konflik adalah penting kerana implikasinya mengakibatkan rasa tidak puas hati dan ketidakstabilan dalam hubungan jangka panjang pihak suami dan isteri. Antara implikasi konflik berterusan dalam perkahwinan ialah kurangnya fokus pemeliharaan anak-anak dan tahap kesuburan pasangan yang mungkin terjejas (Cummings, Goeke-Morey & Papp, 2003; M. Dillon, et. al., 2015; Morrison & Coiro, 1999).

Konflik dalam perkahwinan poligami merupakan sesuatu yang sangat mungkin terjadi kerana kehadiran insan lain di antara pasangan suami dan isteri dalam rumah tangga. Keadaan ini menjadi faktor yang menyemarakkan konflik dalam perkahwinan. Konflik yang berlaku ini jika tidak diurus sebaiknya boleh mengakibatkan tekanan psikologi terhadap isteri dalam perkahwinan poligami kerana mengalami rasa sakit hati dan terganggu, konflik internal dalam keluarga, persaingan antara isteri, dengki dan permusuhan antara isteri, timbulnya tekanan batin, merasa dirinya tidak bermakna bagi suami, marah, dan sedih (A. Kurniawati, 2013). Menurut Fincham (2003), konflik perlu diurus kerana memberi kesan terhadap kesihatan mental, fizikal dan keluarga. Sekiranya konflik meningkat ke tahap kronik, itu dapat menyebabkan banyak hasil negatif termasuk porak peranda dan perceraian (Abe Sophian, et. al., 2014). Implikasi konflik yang berlaku dalam rumah tangga terutama rumah tangga bermadu mengakibatkan keadaan tidak tenteram atau tidak stabil dalam rumah tangga seperti masalah penderaan, keganasan dan akhirnya jika tidak dapat dibendung boleh membawa perceraian yang sudah pasti memberi kesan terhadap banyak pihak (A. Kurniawati, 2013). Berdasarkan ini, artikel ini mengemukakan faktor-faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu dan pendekatan yang dilakukan bagi menguruskannya.

## 2. Faktor Konflik Rumah Tangga

Konflik berlaku disebabkan faktor dalaman dan luaran (Siti Zulaikha Mohd Noor, 1989). Faktor dalaman berlakunya konflik rumah tangga terbit dari dalam diri berkaitan dengan keadaan jiwa, emosi dan perasaan. Setiap pasangan haruslah bijak menangani konflik dalaman ini supaya ia tidak meruncit sehingga menyebabkan kehancuran rumah tangga (Haliza, et. al., 2012). Faktor keperibadian pasangan antara faktor dalaman menyumbang berlakunya konflik dalam rumah tangga antaranya keperibadian yang tidak matang, sifat-sifat yang tidak sesuai seperti ego, tidak bersifat terbuka, keras kepala, mudah tersinggung, defensif, berusaha membenarkan atau menutupi kesalahannya, selalu curiga dan kurang percaya diri. Tekanan perasaan dan emosi dialami oleh isteri bermadu apabila mengetahui suami telah berkahwin dan mempunyai madu serta merasa rasa cinta terhadapnya telah dikongsi (Rohmad, 2016).

Seterusnya faktor luaran yang menyumbang berlakunya konflik dalam rumah tangga disebabkan komunikasi yang lemah di antara pasangan. Menurut R. Cherni (2013), suami dan isteri harus memiliki komunikasi yang baik dan lancar agar dapat saling memahami satu dengan yang lain bagi mengelakkan timbulnya konflik. Dalam keadaan yang serius kelemahan komunikasi menjadi faktor pencetus berlakunya perceraian (Noor Syaibah, et. al., 2016). Kelemahan dalam komunikasi ini selalu menjadi punca berlakunya pelbagai masalah lain dalam rumah tangga. Menurut Dew & Stewart (2012), masalah komunikasi yang berlaku boleh membawa terjadinya masalah kewangan dalam rumah tangga. Masalah kewangan kewangan ini seterusnya pula menjadi faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga (Damar & Bambang, 2017).

Selain itu, faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga turut disebabkan kurang berpegang dengan ajaran agama ekoran kekurangan pengetahuan dan pendidikan agama serta menjalani kehidupan dan budaya sosial yang liar. Suami yang berpegang dengan ajaran Islam, tidak mengabaikan tanggungjawab rumah tangga seperti dalam aspek pemberian nafkah hidup. Menurut Noor Syaibah, et. al (2016), faktor yang boleh mencetuskan konflik sehingga boleh menyebabkan perceraian ialah pengabaian tanggungjawab. Pihak suami mesti memberikan komitmen serius dalam isu pemberian nafkah terutama dalam rumah tangga bermadu. Menurut Raihanah (1970), banyak aduan-aduan dari pihak tertentu mengemukakan bahawa akibat dari perkahwinan poligami, suaminya tidak memberi nafkah dan keadilan yang sewajarnya maka ini menyebabkan berlaku perceraian (Raihanah, 1970).

Burton (1990) mendefinisikan pengurusan konflik adalah tindakan untuk mencari jalan keluar bagi menyelesaikan konflik. Model Pengurusan Konflik (*Conflict Management Model*) Thomas-Kilmann (1974) dibangun berdasarkan dua dimensi yang serupa (ketegasan dan kerjasama) dan mengenal pasti lima gaya mengurus konflik iaitu memaksa, menghindari, menampung, berkolaborasi dan berkompromi. Dimensi ketegasan (asertif) bermakna memenuhi kepentingan diri dan dimensi kerjasama (kooperatif) pula memenuhi kepentingan orang lain. Rahim (1983) turut mengemukakan dua dimensi pengurusan konflik iaitu keprihatinan terhadap diri sendiri dan keprihatinan terhadap orang lain. Dimensi pertama menerangkan darjah (tinggi atau rendah) seseorang individu cuba memuaskan diri mereka, manakala dimensi kedua menerangkan darjah seseorang individu cuba untuk memuaskan keperluan dan perasaan orang lain. Model pengurusan konflik dua dimensi banyak digunakan dalam kebanyakan sorotan literatur berkaitan topik ini (Altmäe, et. al., 2013).

Mohd. Foad (2005) dalam N. Mohd Kiram (2017) mengemukakan tiga persepsi berkaitan kewujudan konflik. Persepsi pertama bahawa konflik ialah sesuatu yang negatif dan boleh mendatangkan



mudarat. Persepsi kedua melihat konflik sebagai sesuatu keadaan semula jadi yang wujud dalam sesuatu kumpulan serta masyarakat dan tidak boleh dielakkan dan perlu ditangani dengan bijak serta perlu dilihat dari perspektif positif sebagai pendorong bagi meningkatkan interaksi sesebuah kumpulan atau organisasi. Manakala, persepsi ketiga pula bahawa konflik bukan sahaja memberikan unsur yang positif malah mampu menjadikan individu atau kumpulan tersebut lebih kreatif, inovatif dan imaginatif. Iini menjelaskan bahawa kewujudan konflik tidak boleh dielakkan namun yang lebih penting ialah bagaimana ianya dipersepsi dan diuruskan. Pendekatan interaksi semasa konflik menghasilkan kitaran konflik dan berbeza antara individu. Konflik penting ditangani secara konstruktif.

Sejakar dengan itu, Islam menganjurkan agar pasangan terlibat dalam konflik rumah tangga berusaha mencari jalan perdamaian bagi mempertahankan ikatan perkahwinan yang telah dibina (Haliza, et. al., 2012). Konflik dalam perkahwinan apabila diuruskan sebaiknya boleh membawa kesan positif iaitu membolehkan pasangan saling mengenali antara satu sama lain, saling memahami dan mengembangkan rasa perpaduan yang lebih kuat (Bammeke & Eshiet, 2018). Konflik yang berjaya diurus juga membawa kebaikan seperti meningkatkan semangat individu dan membawa peluang untuk menguji serta membangunkan kemahiran individu (N. Mohd Kiram, et. al., 2017). Implikasi positif seperti lahir perasaan hormat dan saling memahami dapat diwujudkan jika konflik yang berlaku dapat diselesaikan dengan penuh kebijaksanaan dan kematangan, sebaliknya jika konflik tidak diurus sebaiknya, boleh mengakibatkan kepincangan, dendam, permusuhan, perpisahan bahkan perceraian. Menurut Zaleha Kamaruddin (1997) dalam Haliza, et. al (2012), pengurusan konflik dalam dalam rumah tangga boleh dilakukan dengan tiga peringkat iaitu;

i. Peringkat Pertama

Pengurusan pada peringkat ini berbentuk pencegahan iaitu diusahakan sebelum berlakunya krisis dalam rumah tangga. Peringkat ini ditumpukan terhadap aspek pengajaran dan pendidikan memberi panduan kepada pasangan.

ii. Peringkat Kedua

Peringkat kedua ini difokuskan terhadap usaha memperbaiki keadaan rumah tangga yang sudah mula goyah melalui cara memberi nasihat dan peringatan terhadap hak-hak dan tanggungjawab suami isteri yang mungkin diabaikan. Pihak yang terlibat dalam peringkat ini dibahagikan pada dua bentuk iaitu disclcsaikan di peringkat suami isteri sahaja dan penyclcsaan yang melibatkan bantuan orang tengah seperti kaunselor, pegawai sulu, ahli keluarga yang dipercayai dan seumpamanya.

iii. Peringkat Ketiga

Perceraian ialah jalan terakhir setelah pelbagai ikhtiar gagal untuk mengurus konflik namun perceraian sebaiknya dielakkan kerana ianya memberi kesan terhadap psikologi isteri dan anak-anak serta boleh menjadi punca kepada berleluasanya gejala sosial dalam masyarakat.

Pasangan harus mengenalpasti faktor berlakunya konflik sebelum memilih pendekatan yang sesuai dalam menguruskannya. Terdapat beberapa pendekatan boleh dilaksanakan dalam usaha mengurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga antaranya melalui perbincangan (Fadilah, 2016). Pasangan harus mempunyai fikiran terbuka, positif serta bersedia dan membuat refleksi diri dalam mengurus konflik yang dihadapi (Haliza, et. al., 2012). Proses komunikasi yang baik antara pasangan dapat mengurangkan tekanan yang dialami oleh kedua pasangan dan meningkatkan kualiti dan keharmonian hubungan (Ledermann, Bodenmann, Rudaz, & Bradbury, 2010). Komunikasi interpersonal yang baik dapat memberikan ruang kepada pasangan menyampaikan pendapat mahupun sikap dengan saling terbuka kerana dapat memberikan respon secara langsung terhadap mesej yang disampaikan karena keduanya berada dalam situasi berhadapan dalam jarak yang dekat sekaligus dapat meningkatkan kasih sayang dan mengelak salah faham. (Luthfi, 2017). Komunikasi berkesan dalam perkahwinan penting sebagai jambatan menyampaikan maklumat, berkongsi ilmu dan meluahkan perasaan. Sebaliknya, diri boleh terluka, keadaan hubungan rosak dan masalah tidak dapat diselesaikan jika pasangan berkomunikasi secara negatif (Hasim, et. al., 2015). Kurangnya komunikasi antara suami dan isteri membuat pasangan tidak dapat bertukar fikiran serta memahami perasaan masing-masing. Salah faham selalu berlaku sekiranya komunikasi tidak berjalan dengan baik dan mengakibatkan konflik ekoran pelbagai masalah (R. Cherni, 2013). Tuturkata mempengaruhi usaha pengurusan konflik rumah tangga. Pujuk



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: alirsyad@kuis.edu.my  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 1, June 2020**

rayu dan kata-kata manis serta tutur kata yang lembut dan baik penting dizahirkan dalam proses komunikasi (Aini, et. al., 2019). Kasih sayang dalam rumahtangga antara suami dan isteri dapat dizahirkan melalui perkataan dan perbuatan yang menyenangkan keduanya (Hariyati Ariffin, 2013).

Pasangan perlu mengikuti panduan yang telah digariskan Islam dalam megurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga. Pergantungan terhadap Allah SWT dengan mendekatkan diri dengan Allah SWT menjadikan diri kuat dalam mendepani konflik rumah tangga yang berlaku. Ilmu pengetahuan terutama berkaitan ajaran Islam penting dimiliki oleh pasangan rumah tangga bagi mewujudkan keadaan hidup beragama melalui pengamalan dan penghayatan agama yang tinggi berasaskan kepada kefahaman yang benar (Nazneen Ismail, et. al., 2019).

Pengurusan konflik dalam rumah tangga menjadi lebih mencabar bagi rumah tangga bermadu. Pasangan mesti bijak memilih strategi dan pendekatan yang sesuai untuk mengurus konflik seperti bersikap terbuka menerima kesalahan masing-masing atau pun menggunakan bantuan dari pihak lain seperti kaunseling dan sebagainya (Anis, et. al., 2019; Theda Renanita & Jenny Lukito, 2018). Banyak kajian yang mengemukakan berkaitan konflik rumah tangga antaranya Theda Renanita & Jenny Lukito (2018), Zanariah, et. al. (2018), Haliza, et. al. (2012) dan N. Mohd Kiram (2017), namun sedikit yang mengetengahkan berkaitan rumah tangga bermadu. Oleh itu, artikel bertujuan mengenalpasti faktor konflik dan pendekatan mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu.

### 3. Metodologi

Data yang dikemukakan dalam artikel ini diperolehi menerusi temu bual secara separa struktur terhadap 5 orang isteri bermadu dan seorang suami berpoligami. Teknik pemilihan sampel adalah secara bertujuan dengan memilih informan daripada kumpulan homogenous tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria isteri yang bermadu dan suami yang mempunyai madu. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan *Cohen Kappa*. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema. Jadual 1 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

Jadual 1. Pakar dan kapakaran bagi tahap persetujuan Cohen Kappa

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap	Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar 1	Dakwah dan Kaunseling Islam	0.72	
2	Pakar 2	Dakwah dan Komunikasi Media	1.00	
3	Pakar 3	Komunikasi	0.31	
Keseluruhan (Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa)				0.68

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.68 dan berdasarkan kepada Jadual 2 di bawah, nilai  $k = 0.68$  berada pada skala sederhana.

Jadual 2. Skala persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
< 0.30	Rendah

Sumber: Kamarul Azmi (2012)

### 4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini mengemukakan tentang kewujudan konflik dan pendekatan yang dilakukan bagi mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu.

#### **4.1 Demografi informan analisis keperluan**

Dalam menjalankan analisis keperluan ini, enam informan yang terdiri daripada isteri bermadu dan suami berpoligami ditemu bual. Berikut merupakan demografi bagi setiap informan kajian.

Jadual 3. Perbandingan latar belakang pasangan bermadu dari aspek jantina, tempoh bermadu, bilangan anak dan status

Peserta kajian	Jantina	Pengalaman poligami/bermadu	Bilangan anak	Status
PK1	Perempuan	10 tahun	3 orang	Isteri kedua
PK2	Perempuan	4 tahun	1 orang	Isteri kedua
PK3	Perempuan	11 bulan	3 orang	Isteri pertama
PK4	Perempuan	28 tahun	7 orang	Isteri kedua
PK5	Perempuan	28 tahun	8 orang	Isteri pertama
PK6	Lelaki	4 tahun		Suami berpoligami

Sumber: Temu bual dan analisis dokumen daripada maklumat butiran peribadi informan iaitu pasangan bermadu.

Profil peserta kajian dalam Jadual 4 memberi gambaran mengenai jantina, tempoh bermadu, bilangan anak dan status.

#### **4.2 Faktor Konflik**

Kesemua informan menjelaskan bahawa konflik wujud dalam kehidupan rumah tangga mereka. Konflik yang wujud berlaku disebabkan faktor luaran dan faktor dalaman. Berikut adalah faktor-faktor dalaman yang dinyatakan;

##### **4.2.1 Menyembunyikan perkahwinan**

Tindakan suami yang menyembunyikan perkahwinan kedua menyebabkan berlakunya konflik dalam rumah tangga (Zanariah, et. al, 2018). Keadaan ini menimbulkan babit konflik kerana isteri pertama sudah merasa hilang kepercayaan terhadap suaminya. PK2 (isteri kedua) mengakui keadaan ini dengan kenyataannya; “*perasaan madu saya terhadap suami saya tuu memang adalah orang kata tu kuranglah nak kata tu kepercayaan nya kepada suami saya*”. PK2 menjelaskan lagi; “*dia cakap dah sendiri yang dia tak percaya dah dengan suami*”. Tindakan suami menyembunyikan perkahwinan tersebut turut memberi kesan apabila rasa hilang kepercayaan ini turut dialami oleh anak-anak daripada isteri pertama terhadap bapanya. Anak-anak mula timbul perasaan tidak suka kepada bapanya sendiri. Menurut informan PK3 (isteri pertama); “*anak-anak tidak suka suami*”. Hal ini berlaku kerana menurut beliau, anak-anak tidak merestui perkahwinan kali kedua bapa mereka; “*anak-anak tidak boleh terima*”.

Sehubungan itu, konflik mula wujud apabila tindakan suami menyembunyikan perkahwinannya dengan isteri kedua diketahui oleh isteri pertama. Menurut PK2 (isteri kedua) konflik mula berlaku setelah isteri pertama mendapat tahu perihal perkahwinan suaminya telah berkahwin lagi. PK2 (isteri kedua) menyatakan “*apabila madu saya mula-mula bila dia dapat tahu macam-macam dia kata pada saya terutama bila dia telefon dan macam-macam dia kata...*”. Malah, isteri pertama tersebut turut meresapkan perkara negatif dan tohmannan berkenaan isteri kedua kepada anak-anaknya; “*dia kata pada anak-anak jangan buat macam tu... haa macam tulah, macam saya nie contoh yang tak baiklah bagi dia orang*”. Konflik ini berlaku ekoran luahan rasa tidak puas hati terhadap tindakan yang dilakukan oleh pihak suaminya.

##### **4.2.2 Kurang keprihatinan**

Sikap kurang keprihatinan suami terhadap perubahan tindakan isteri turut menyumbang berlakunya konflik rumah tangga. Tingkah laku luaran merupakan terjemahan perasaan dan fikiran dalam diri seseorang. Pengabaian terhadap penonjolongan tingkah laku para isteri boleh membawa berlakunya konflik dalam kehidupan rumah tangga. Implikasi pengabaian suami terhadap tindak tanduk isteri mengakibatkan keadaan konflik berlaku berpanjangan dan dalam keadaan serius ianya boleh menggugat keharmonian hubungan dalam rumah tangga (M. Dillon, et. al., 2015). Ekoran rasa tidak puashati isteri terhadap sikap suami yang kurang prihatin dizahirkan menerusi tingkah laku rutin isteri yang kurang disenangi oleh suami. Ini dinyatakan menerusi kenyataan informan PK6 (suami poligami); “*kalaupun masalah poligami ni sebelum tidur buat penyakit yang sama*



perempuan bebel-bebel haaa bangun-bangun tidur, buka mata pun mula membebél". Tindakan isteri yang membebél itu interpretasi keadaan jiwa serta fikiran yang dialami dan bakal menimbulkan konflik jika diabaikan. Menurut Ramaraju (2012), komunikasi interpersonal menekankan proses interaksi meliputi dimensi afektif dan kognitif yang diambil dari tingkah laku, sains lain serta kemanusiaan yang peka terhadap mesej dan respons manusia secara kata-kata dan perbuatan.

#### 4.2.3 Perasaan cemburu

Cemburu adalah perasaan yang wujud secara fitrah dan sukar dielakkan. Kemunculannya jika tidak dikawal mencetuskan konflik dalam rumah tangga bermadu (A. Kurniawan, 2013; Yulianti, et. al., 2008). Menurut PK 1 (isteri kedua); "ermm memang ada. Sebab tu saya cakap, sebagai manusia biasa memang ada. Kita rasa macam suami kita sayang dia ke, sayang dia lebih...". Ini dinyatakan Menurut Irma (2018), walaupun para isteri yang dipoligami mengatakan bahwa dirinya ikhlas suaminya berkahwin lagi, namun sebagai fitrah manusia seorang isteri hanya ingin dicintai suami tanpa berkongsi dengan perempuan lain hingga menyebabkan perasaan cemburu.

#### 4.2.4 Salah faham

Konflik boleh berlaku disebabkan keadaan salah faham (N. Mohd Kiram, 2017). Keadaan terjadi salah faham dalam sesbuah rumah tangga bukanlah perkara yang mustahil. Perselisihan dan ketidak kesefahaman yang selalu berlaku di antara suami dan isteri menjadi sebab berlakunya pertengkaran dan pergaduhan (Mariam & Syafirul, 2017). Menurut PK4 (isteri kedua), salah faham berlaku juga dalam hubungan antara sesama madu dan suami, tetapi tidaklah terlalu tegang; "salah faham macam tu, gaduh apa tak ada... Tapi kalau sikit-sikit tu ada la". Informan PK5 (isteri pertama) turut mengakui hal ini; "kalau ada tu la salah faham sikit tu memang ada la dalam rumah tanggakan...". Salah faham boleh berlaku di antara suami dengan isteri mahu pun pihak isteri dengan madu.

Selanjutnya adalah faktor-faktor luaran mencetuskan konflik dalam rumah tangga bermadu yang dinyatakan oleh informan bagi kajian ini.

#### 4.2.5 Pengabaian tanggungjawab

Pengabaian tanggungjawab merupakan faktor luaran utama dinyatakan mencetuskan faktor berlaku konflik dalam rumah tangga (Mariam & Syafirul, 2017). Pengabaian tanggungjawab sering berlaku dalam rumah tangga bermadu antaranya adalah pengabaian nafkah, penggiliran masa dan kesihatan (A. Kurniawan, 2013).

Islam meletakkan syarat adil dalam pengamalan rumah tangga poligami. Pihak suami perlu berlaku adil dalam tanggungjawab pemberian nafkah terhadap para isteri dan anak-anak. Pengabaian nafkah menjadi antara punca konflik dalam rumah tangga. Informan PK3 (isteri pertama) menyatakan; "saya terpaksa berkerja untuk sara hidup, beli ubat dan makaman keperluan saya". Isteri terpaksa menyara diri sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup kerana tidak menerima nafkah daripada suaminya yang telah berkahwin lain. Seorang suami mesti memastikan syarat kemampuan dalam memberi nafkah dipenuhi terhadap tanggungannya. Pengabaian aspek ini sering mencetuskan konflik dalam rumah tangga bermadu.

Selain pemberian nafkah, tanggungjawab pembahagian masa turut merupakan faktor penting yang mesti dititik beratkan dalam rumah tangga terutama. Penggiliran dan pengurusan masa hendaklah dilaksanakan dengan adil. Isu pengabaian terhadap pengurusan masa sudah pasti menimbulkan konflik dalam kalangan isteri bermadu. Ini dinyatakan oleh informan PK1 (isteri kedua); "cabaran dia lebih kepada hmmm.. pembahagian waktu, pembahagian waktu terutamanya pada hujung minggu dan pada waktu kenduri kendara dan pada giliran raya, kerana pada awal-awalnya sangat susah untuk bagi masa untuk hmm pergi kenduri belah isteri pertama atau isteri kedua". Perkara ini turut dinyatakan oleh informan PK2 (isteri kedua) yang mengatakan; "bagi saya, yang paling saya rasa berat untuk saya hadapi ialah dari segi dia membahagikan masa antara isteri pertama dengan saya", malah beliau turut menambah; "sebab sekarang hanya dia datang haaa bila dia dapat datang...". PK3 (isteri pertama) pula menyatakan bahawa suaminya jarang pulang ke rumah; "suami jarang balik ke rumah". Informan PK6 (suami berpoligami) mengakui bahawa pembahagian masa merupakan cabaran untuk beliau dalam berpoligami; "tapi kekangan yang paling jelas adalah mahu bahagikan masa dengan komitmen yang ada dan kerja yang ada dengan...". Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa pembahagian masa adalah cabaran yang besar dalam sebuah rumah tangga bermadu, namun ianya wajib dilaksanakan dengan adil. Pengabaian terhadap aspek pengurusan serta penggiliran masa ini boleh menyumbang



berlakunya konflik sehingga boleh mengakibatkan penganiayaan malah lebih kritikal lagi penderaan terhadap para isteri. Keculasan para suami dalam tanggungjawab penggiliran ini dinyatakan oleh PK1 (isteri kedua); “*haaa... dan perkara kedua adalah giliran beraya yang seingat saya giliran beraya haa ..yang saya dapat haaa yang dapat pada raya pertama hanyalah pada tahun kedua tak silap perkahwinan*”.

Tanggungjawab kesihatan adalah antara aspek yang tidak kurang pentingnya dalam kehidupan rumah tangga. Konflik juga tercetus dalam rumah tangga apabila berlaku pengabaian dalam aspek kesihatan isteri. Menurut PK3 (isteri pertama) menyatakan; “*masalah kesihatan, suami tidak ambil tahu kesihatan saya*”. Kenyataan ini menunjukkan berlaku pengabaian tanggungjawab dalam aspek kesihatan isteri pertama dinyatakan dalam kajian ini. Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan, keharmonian sebuah rumah tangga itu akan terjejas.

#### 4.2.6 Sukar membuat penyesuaian diri

Konflik sering berlaku pada awal perkahwinan bermadu disebabkan kurang dapat menyesuaikan diri dengan madu (A. Kurniawan, 2013). Menurut PK1 (isteri kedua) menyatakan kesukaran untuk menyesuaikan diri dan keadaan yang sama dialami oleh madunya: “*kelonggaran dan kefahaman perlu dari isteri pertama untuk sama-sama menyesuaikan diri*”. Kesediaan diri penting bagi membolehkan berlaku penyesuaian antara para isteri.

#### 4.2.7 Tiada komunikasi

Masalah komunikasi adalah perkara yang sering berlaku di antara pasangan suami dan isteri dalam rumah tangga (Noor Syaibah, 2016). Konflik boleh berlaku dalam rumah tangga bermadu disebabkan tiada komunikasi antara sesama madu (A. Kurniawan, 2013). Ini diakui oleh PK3 (isteri pertama) bahawa; “*saya tidak pernah ada berhubung dengan madu saya*”. Sebahagian madu tidak mahu langsung berkomunikasi secara verbal dan non verbal dengan madunya manakala terdapat sebahagiannya berkomunikasi hanya secara non verbal. Wujud jurang dalam komunikasi akan menyumbang berlakunya bibit-bibit konflik dalam rumah tangga kerana komunikasi penting dalam menyelesaikan sesuatu isu seandainya berlaku.

### 4.3 Pendekatan Mengurus Konflik

Berdasarkan temubual yang dilakukan, beberapa kaedah yang dinyatakan oleh informan yang dilakukan dalam mengurus yang berlaku rumah tangga bermadu antaranya;

#### 4.3.1 Mengadakan perbincangan

Perbincangan adalah antara pendekatan yang perlu dilakukan antara pihak suami dengan isteri dan antara pihak madu dengan madu apabila konflik berlaku (N Atieka, 2011). Menurut PK6 (suami berpoligami); “*konflik dapat diselesaikan dengan baik... dengan hikmah dengan mesyuarat*”. Pendekatan yang sama turut dinyatakan oleh PK5 (isteri pertama) dalam mengurus konflik yang berlaku di antaranya dengan suami serta madu; “*jadi kita... bila kita tak faham tu, kita jumpa balik bertiga ha duduk balik bersempang*”. Kenyataan ini menjelaskan bahawa perbincangan adalah antara pendekatan yang dilakukan bagi pasangan rumah tangga bermadu apabila berlaku konflik dan salah faham.

Satu aspek yang tidak boleh diabaikan dalam perbincangan yang dilakukan ialah kebijaksanaan dalam memilih keadaan, ruang serta waktu yang sesuai. Kesilapan dalam memilih keadaan, ruang dan masa yang sesuai menyumbang kepada kegagalan dalam mencapai tujuan perbincangan seperti berada dalam keadaan emosi yang tidak stabil, ruang yang tidak selesa serta masa yang tidak sesuai. Sekiranya perbincangan dilakukan ketika dalam keadaan marah, sudah tentu konflik atau salah faham yang berlaku menjadi lebih serius. Salah satu pihak perlu bertolak ansur untuk meredakan keadaan agar perbincangan berjaya dilaksanakan. Perkara ini diakui oleh PK5 (isteri pertama) yang menyatakan; “*kalaupun gaduh dengan dia pun ada apa yang selisih tak faham tu saya memang diam. Pastu dah reda sikit, baru kita cakap balik*”. Ini menjelaskan kepentingan aspek kebijaksanaan dalam memilih keadaan, ruang dan masa yang sesuai bagi perbincangan untuk mengurus konflik yang berlaku. Kajian (R. Cherni, 2013) menunjukkan bahawa strategi komunikasi efektif adalah dengan merancang proses komunikasi iaitu memilih bentuk komunikasi, waktu dan tempat untuk melakukan komunikasi. Begitu juga dapatan kajian Tavakolizadeh, et. al., (2015) mendapati bahawa kemahiran komunikasi berupaya mengurangkan konflik perkahwinan yang ketara.



#### 4.3.2 Berlapang dada

Mengambil pendekatan sikap berlapang dada antara suami dan isteri serta sesama madu penting dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu yang wujud (Nor Hafizah, 2017). Menurut PK5 (isteri pertama) menyatakan bahawa berlapang dada dapat menghilangkan rasa yang menyakitkan hati; “*tapi sekarang ni ... Umi dah kena lapang dada... kena apa orang kata kena releasekan, kalau tak sakitan...*”. Sifat berlapang dada berupaya membantu dalam mengurus konflik yang berlaku. Menurut Setiati (2017), rumah tangga poligaminya tidak selalu harmoni, namun konflik yang muncul boleh diatasi melalui keterbukaan. Sebaliknya, apabila kurangnya rasa kepercayaan, kurang sikap keterbukaan dan kurang kerjasama atau tolak ansur mengakibatkan hubungan dalam rumah tangga tidak harmoni (Luthfi, 2017).

#### 4.3.4 Bertolak ansur

Sifat bertolak ansur atau toleransi turut dinyatakan antara pendekatan yang dilakukan oleh pasangan rumah tangga bermadu dalam mengurus konflik rumah tangga (Nor Hafizah, 2017). Menurut PK2 (isteri kedua); “*haaa apa orang kata, kita bertolak ansur, kita bagi peluang dan... jangan mendesak*”. Berdasarkan kenyataan ini, sifat tolak ansur berupaya membendung konflik daripada menjadi lebih serius.

#### 4.3.5 Menjaga hati

Pendekatan menerusi tindakan kebijaksanaan untuk menjaga hati pasangan adalah antara kaedah mengurus konflik rumah tangga bermadu (R. Cherni, 2013). Menurut informan PK6 (suami berpoligami); “*haa kadang-kadang kita ni terpaksa buat-buat lapar jugak, pergi rumah bini pertama tanya dah makan? Kita kata belum makan, haa padahal dah makan. Bini kedua tanya dah makan? Haa belum. Haa tapi dah makan pun, tapi kena jawab tak makan lagi. Sebab apa? Kena jaga hati-hati dua-dua anak tu yang kena makan juga*” . Keadaan ini menunjukkan pentingnya kebijaksanaan menjaga hati pasangan dalam usaha mengurus konflik rumah tangga bermadu daripada berlaku.

#### 4.3.6 Menghargai pasangan

Menghargai pasangan merupakan antara kaedah yang dapat membantu mengurus konflik rumah tangga bermadu (R. Cherni, 2013). Sikap suami yang tidak memilih kasih serta tidak membanding-bandinkan antara isteri dengan isteri yang lain penting dalam mengurus konflik. Menurut PK6 (suami berpoligami); “*jangan pernah ceritakan baiknya isteri yang satu depan isteri yang ini. Haa ..jangan cerita buruk isteri yang ini depan isteri yang ini*” . Kenyataan ini menunjukkan bahawa kebijaksanaan suami sangat penting dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu. Kebijaksanaan tindakan suami menghargai para isteri berupaya menghindari konflik daripada berlaku. Menurut Tanyid (2005), dalam saling bertukar fikiran, jangan saling jatuh menjatuhkan (Tanyid, 2005).

#### 4.3.7 Sabar dan redha dengan qada' qadar Allah SWT

Pengukuhan keimanan terhadap qada' dan qadar adalah antara pendekatan yang dilakukan oleh pasangan rumah tangga bermadu dalam mengurus konflik yang wujud. Mewujudkan perasaan redha dalam menerima ketentuan Allah SWT seperti kelihatan mudah tetapi paling sukar dan berat untuk dilakukan. Redha terhadap ketentuan Allah SWT adalah pendekatan terbaik dalam usaha mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu. Ini diakui oleh informan PK2 (isteri bermadu) menyatakan; “*dia dah redha dan dia dapat terima saya sebagai madu dia*” . Rasa keredhaan terhadap ketentuan Allah SWT menjadi penawar meleraikan konflik yang wujud di antara madu sesama madu. Informan PK3 (isteri pertama) pula menyatakan; “*tiada yang manis, tawar, kecewa namun redha dengan ketentuan Allah SWT*” . Pasrah terhadap takdir iaitu mengembalikan segala perkara kepada kuasa serta kehendak Allah SWT berupaya menyumbang dalam mengurangkan konflik yang timbul. Kajian Anggraini (2015) yang dilakukan terhadap isteri bermadu mendapati semua informan mengakui mereka melalui kehidupan perkahwinan poligami dengan banyak bergantung kepada ketentuan Tuhan, melakukan penyesuaian untuk hidup bagi mendapat keredhaan Tuhan, melakukan pelbagai aktiviti keagamaan bahkan meningkatkan iman dan cara untuk mendekatkan diri kepada Tuhan.

Sifat sabar dalam diri menjadi kunci ketahanan diri dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu. Sabar merupakan perwujudan dari sikap ketabahan seseorang dalam menghadapi sesuatu yang Allah SWT



timpakan kepada seorang manusia (M. Yusuf, et. al., 2018). Secara terminologi sabar berarti menahan dari segala sesuatu yang tidak disukai karena mengharapkan keredhaan Allah SWT. Menurut informan PK2 (isteri kedua); “*saya yang banyak bersabar berbanding dengan madu saya*”. Perkara ini juga turut dinyatakan oleh PK5 (isteri pertama) yang mengakui bahawa madunya sendiri mendakwa bahawa beliau sangat penyabar dalam rumah tangga; “*dia cakap macam tu.. saya ni banyak sabar*”. Kenyataan ini menunjukkan bahawa sabar adalah sifat yang sangat penting dimiliki terutama oleh para isteri dalam mengurus konflik yang berlaku. Bertepatan dengan dapatan kajian Rohmad (2016) terhadap informan kajian yang terdiri dalam kalangan isteri bermadu mengakui bahawa kesabaran sering dilakukan kerana keputusan bermadu adalah paksaan dan tidak berdaya ditolak dan perkahwinan sering dilalui dan diwarnai dengan masalah dan konflik.

Sokongan pasangan dan keluarga sangat penting dalam menguatkan kesabaran. Bagi para isteri, suami adalah penguat utama untuk menghadapi konflik yang timbul dalam rumah tangga bermadu. Antara bentuk sokongan suami yang dinyatakan ialah sentiasa mendorong dan kreatif menggalakkan isteri untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah bagi mengelakkan perkara-perkara negatif yang mungkin mudah berlaku. Ini diakui oleh PK1 (isteri kedua) bahawa; “*suami memang sentiasa support apa yang isteri pertama buat*” (2509:2566); “*suami sentiasa menggalakkan perkara itulah*”.

Selain pihak suami, faktor keluarga juga mempengaruhi golongan isteri bermadu menghadapi cabaran kehidupan rumah tangga bermadu. Menurut PK5 (isteri pertama); “*saya punya keluarga pun tak ada masuk campur. Diorang pun tak kesah an... Keluarga saya pun okay... Macam tula...*”. Kenyataan ini menerangkan bahawa keluarga turut menyumbang dalam membantu isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga. Kepentingan peranan suami dan sokongan keluarga ini turut diakui dalam kajian (Irma, 2018) apabila informan menyatakan bahawa mampu bersabar meneruskan kehidupan bermadu kerana peranan pihak suaminya yang tetap bertanggung jawab dalam memberi perhatian dan nafkah terhadap diri dan anak-anaknya. Ditambah lagi orang tua, mertua, saudara, dan rakan-rakan yang selalu mendukung dan mendorongnya untuk tetap bertahan menjalani pernikahan poligami.


#### 4.3.9 Menjaga rahsia rumah tangga

Pendekatan seterusnya dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu adalah tidak menceritakan rahsia rumah tangga kepada orang luar. Menurut infomen PK4 (isteri kedua); “*kalau dengan saudara saya tak pernah kalau nak cerita-cerita ni memang kita orang tak pernah bercerita hal keluarga saya tak pernah cerita pada orang lain*”. Begitu juga informan PK5 (isteri pertama) juga menyatakan hal yang sama; “*sampai harini kan diorang apa-apa hal pun saya pun kalau ada rumah tangga ke apa kan, saya tak pernah cerita pada diorang, jenis cerita dekat mak je*”. Kenyataan ini menjelaskan bahawa sikap menjaga rahsia rumah tangga sangat penting bagi pasangan rumah tangga bermadu tidak kira sama ada suami, isteri pertama, kedua dan seterusnya bagi mengelakkan berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu. Dalam keadaan tertentu yang memerlukan panduan, rahsia rumah tangga boleh dikongsi bersama ahli keluarga yang dipercayai serta dapat memberi nasihat. Penyelesaian konflik dalam keluarga menerusi usaha meminta bantuan orang ketiga jarang dilakukan dalam keluarga, namun perlu dilakukan jika konflik yang berlaku tidak boleh diselesaikan sendiri (Damar & Bambang, 2017).

#### 4.3.10 Menghadkan aktiviti sosial yang tidak penting

Pendekatan menghadkan aktiviti sosial yang tidak penting dinyatakan dapat meminimumkan berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu. Ini kerana aktiviti sosial yang tidak penting kadang-kala mengundang perkara-perkara negatif atau pemikiran negatif dari orang luar seperti menanam hasutan negatif terhadap kehidupan rumah tangga bermadu. Menurut PK4 (isteri pertama); “*saya jarang bergaul dengan orang luar kecuali saya aaa ...bergaul dengan orang cuma atas urusan business*”. Aktiviti sosial masa ini kebiasaannya dijalin menerusi gathering, media sosial dan seumpamanya.

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran dinyatakan sebagai penyumbang yang mencetuskan konflik dalam rumah tangga bermadu. Antara faktor dalaman ialah merahsiakan perkahwinan, kurang keprihatinan, perasaan cemburu dan salah faham manakala faktor luaran pula ialah pengabaian tanggungjawab, sukar membuat penyesuaian diri dan tiada komunikasi. Kajian Zanariah, et. al. (2018) turut menyatakan bahawa banyak konflik berlaku dalam perkahwinan poligami konflik disebabkan suami berkahwin poligami secara rahsia, tidak berlaku adil segi giliran bermalam, pemberian nafkah dan sebagainya. Pendekatan perbincangan, berlapang dada, tolak ansur, menjaga hati, sabar serta redha, menyimpan rahsia rumah tangga, menghadkan aktiviti sosial yang tidak penting dinyatakan sebagai pendekatan mengurus



konflik yang timbul dalam rumah tangga bermadu. Kesemua pendekatan yang dinyatakan memberi indikator terhadap sikap berkompromi yang tinggi penting dalam mengurus konflik kehidupan rumah tangga bermadu. Ini bertepatan dengan dapatan kajian Nor Hafizah, et. al. (2017), mendapati strategi kolaboratif adalah strategi paling popular yang diamalkan oleh pasangan suami isteri Melayu dalam mengurus konflik rumah tangga, manakala strategi bertukar fikiran dan perasaan sehingga mengorbankan keperluan dan minat mereka sendiri untuk memenuhi keperluan pasangan mereka ekoran bimbang kehilangan hubungan mereka serta mereka tidak mahu menyakiti pasangan. Corak komunikasi yang produktif dapat bantu mengurangkan implikasi buruk dari konflik hubungan (Graham, et. al., 2009). Selain itu, memiliki sifat yang mulia bantu memudahkan pasangan dalam menguruskan konflik rumah tangga (Dini, et. al., 2018).

## **5. Penutup**

Konflik rumah tangga dalam kalangan suami dan isteri bermadu merupakan antara cabaran getir yang sering berlaku dan sukar dielakkan namun ianya mesti diurus sebaiknya untuk mengekalkan keharmonian sesebuah rumah tangga. Konflik dalam rumah tangga bermadu berlaku disebabkan beberapa faktor dalaman dan juga faktor luaran. Antara faktor dalaman yang mencetuskan konflik dalam rumah tangga bermadu berpunca apabila pihak suami merahsiakan perkahwinan keduanya daripada pengetahuan isteri pertama, sikap suami yang kurang prihatin terhadap perubahan tingkahlaku isteri, perasaan cemburu serta timbul salah faham yang di antara suami dengan para isteri dan juga antara madu dengan madu manakala faktor luaran yang menyumbang wujudnya konflik dalam rumah tangga bermadu disebabkan berlaku pengabaian tanggungjawab pihak suami terhadap isteri terutama kepada isteri pertama setelah perkahwinan kedua, pihak isteri sukar membuat penyesuaian diri dan tiada komunikasi antara sesama madu. Beberapa pendekatan boleh dilakukan dalam mengurus konflik rumah tangga yang berlaku antaranya dengan mengadakan perbincangan, sikap berlapang dada, bertolak ansur, menjaga hati, menghargai, sabar, redha dengan qada' qadar Allah SWT, menjaga rahsia rumah tangga dan menghadkan aktiviti sosial yang tidak penting. Menjadi suatu keutamaan kepada pihak suami isteri untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam kehidupan berumah tangga dalam usaha mengurus konflik yang timbul. Selain itu, setiap pasangan suami dan isteri perlu menyedari, tahu dan faham tentang syarat serta tujuan sesebuah perkahwinan dibina sekaligus mengambilberat terhadap tanggungjawab serta peranan yang diamanahkan. Dapatkan ini boleh dimanfaatkan sebagai panduan dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu.

## **Penghargaan**

Artikel ini merupakan antara pembentangan dapatan kajian bertajuk *Model Psikologi Komunikasi Isteri Bermadu Mengurus Konflik Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam*. Penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Penyelidikan Premier (GPP), 2017/P/GPIK/GPP/001.

## **Rujukan**

- A. Kurniawati. (2013). *Dampak Psikologis Kehidupan Keluarga Pada Pernikahan Poligami* (Disertasi Sarjana, Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia).
- Abd. Majid, M., & Saleh Hudin, M. S. Z. (2017). Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 Hingga 2015. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 40-53. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/17>
- Abe Sohpian, Zuliza & Anwar. (2014). *Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak*. t.t.p.: t.t.p.
- Aini, Z., Don, A. G., Mokhtar, A. I., & Usrah, N. (2019). Dakwah Dalam Penyampaian Mesej Islam Kepada Masyarakat Orang Asli Di Selangor. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 4(1), 12–26.
- Altmäe, S., Türk, K., & Toomet, O. S. (2013). Thomas-Kilmann's Conflict Management Modes and Their Relationship To Fiedler's Leadership Styles (Basing On Estonian Organizations). *Baltic Journal of Management*, 8(1), 45–65. doi:10.1108/17465261311291650
- Anggraini, H. (2015). Meaning Of Adjusmen For Wife With Husband's Have Poligamy. *Journal of Guidance and Counseling*, 5 (2), 1-17.
- Bammeke, F., & Eshiet, I. (2018). Issues in Marital Conflict and Violence: Sociological Analysis of Narratives

- of Selected Yoruba Women. *Crawford Journal of Business & Social Sciences (Cjbass), XIII* (II), 1–8. Diakses dari <https://cjbasscru.org/wp-content/uploads/2019/02/Issues-in-Marital-Conflict-and-Violence.pdf>
- Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah. (2013). Konflik Politik dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI 2013*, Serawak. 18-19 September 2013 Kuching, Serawak, p.p. 572.
- Burton, S. (1990). *Conflict Resolution And Prevention*. London: Macmillan Publishers.
- Cherni, R. (2013). Strategi Komunikasi Dalam Mengatasi Konflik Rumah Tangga Mengenai Perbedaan Tingkat Penghasilan Di Rt.29 Samarinda Seberang. *EJournal Ilmu Komunikasi*, 1(1), 212–227.
- Conrad, C. (1985). *Strategic Organizational Communication*. New York, NY: CBS College Publishing.
- Cummings, E.M., Goeke-Morey, M.C., & Papp, L.M. (2003). Children's Responses To Everyday Marital Conflict Tactics In The Home. *Child Development*, 74(6), 1918-1929. doi: 10.1046/j.1467-8624.2003.00646.x
- Damar Adi Nugroho & Bambang Santosa (2017). Resolusi Konflik Dalam Keluarga Berbasis Kesetaraan Gender. *Jurnal Sosiologi DILEMA*, 32(1), 91–96.
- Dew, Jeffrey P. & Stewart, Robert. (2012). A Financial Issue, a Relationship Issue, or Both? Examining the Predictors of Marital Financial Conflict. *Journal of Financial Therapy*, 3(1), 43-61. Diakses dari <https://doi.org/10.1111/j.1741-3729.2012.00715.x>
- Dini, Suhailiza, Marina, & Zaliridzal, M. (2018). Kefahaman Beragama Dan Proses Transformasi Hubungan Pasangan Dalam Perkahwinan. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(2), 75–91.
- Fadilah Ismail. 2016. Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke 11 (PERKEM)*. 27 - 28 Julai 2016, Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor, pp. 394-399.
- Fincham, F.D. (2003). Marital Conflict: Correlates, Structure and Context. *Current Directions in Psychological Science*, 12(1), 23-27. Diakses dari <https://doi.org/10.1111%2F1467-8721.01215>
- Graham, J. E., Glaser, R., Loving, T. J., Malarkey, W. B., Stowell, J. R., & Kiecolt-Glaser, J. K. (2009). Cognitive Word Use During Marital Conflict and Increases in Proinflammatory Cytokines. *Health Psychology*, 28(5), 621–630. doi: 10.1037/a0015208.
- Hadisubrata. (2003). *Keluarga dalam Dunia Modern, Tantangan dan Pembinaannya*. Jakarta: BPK Gunung Mulia.
- Hafizah, N., Hassan, N. A., Harun, A. S. A., Nayan, L. M., Ahmad, R., & Rosli, M. M. (2017). Conflict Management Among Malay Married Couples: An Analysis on Their Strategies & Tactics. *Asian Social Science*, 13(10), 95. doi :10.5539/ass.v13n10p95
- Haliza, A. S., Hasnizam, H., & Intan Nadia, G. K. (2012). Krisis Rumah Tangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang*, 4(8), 67–86. Diakses dari <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9408>
- Hasim, M. J. M., Mustafa, H., & Hashim, N. H. (2015). Exploring New Patterns of Interaction During Conflict Among Married Individuals in Malaysia. *Second International Conference On Media, Communication And Culture (ICMCC 2015)*, 30 Nov. - 2 Dec. 2015, Vistana Hotel, Penang, pp. 1–11. Diakses dari <http://eprints.usm.my/id/eprint/32023>
- Ibn Kathīr, A. I. (1998). *Tafsir al-Qurān al-'Azīm*. Jil. 6. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Igbo, Awopetu & Ekoja. (2015). Relationship Between Duration of Marriage, Personality Trait, Gender and Conflict Resolution Strategies of Spouses. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 190, 490 – 496. doi: 10.1016/j.sbspro.2015.05.032
- Irma. (2018). Gambaran Cinta dan Kepuasan Pernikahan pada Istri Pertama yang Dipoligami. *Psikoborneo*, 6(3), 559–572. Diakses dari [http://ejournal.psikologi.fisip-unmul.ac.id/site/wp-content/uploads/2018/11/JURNAL%20IRMA%20MARYANI%20\(11-28-18-02-16-42\).pdf](http://ejournal.psikologi.fisip-unmul.ac.id/site/wp-content/uploads/2018/11/JURNAL%20IRMA%20MARYANI%20(11-28-18-02-16-42).pdf)
- Ismail, N., Bakar, N. H., Abd. Majid, M., & Kasan, H. (2019). Pengamalan Hidup Beragama dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 78-93. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/57>
- Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri I*, 28-29 Mac 2012, Puteri Resort, Melaka, pp. 1-33.
- Ledermann, T., Bodenmann, G., Rudaz, M., & Bradbury, T.N. (2010). Stress, Communication and Marital Quality in Couples. *Family Relations*, 59(2), 195-206. Diakses dari <https://doi.org/10.1111/j.1741-3729.2010.00595.x>
- al-Marāghī, A. M. (1985). *Tafsīr al-Marāghī* Jil. 7. Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.



E-ISSN 2550-1992  
Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: alirsyad@kuis.edu.my  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 1, June 2020**

- M. Dillon, L., Nowak, N. E., Weisfeld, G. C., Weisfeld, C. S., Shattuck, K. E., Imamoglu, O., Butovskaya, M., & Shen, J. (2015). Sources of Marital Conflict in Five Cultures. *Evolutionary Psychology*, 13(1), 1–15. Diakses dari <https://doi.org/10.1177%2F147470491501300101>
- M. Luthfi. (2017). Komunikasi Interpersonal Suami dan Istri Dalam Mencegah Perceraian di Ponorogo. *ETTISAL Journal of Communication*, 2(1), 51-61. doi : <http://dx.doi.org/10.21111/ettisal.v2i1.1413>
- M. Yusuf, Doma Kahfi & Moh. (2018). Sabar dalam Perspektif Islam dan Barat. *AL-MURABBI : Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman*, 4(2), 233-246. Diakses dari <http://ejournal.kopertais4.or.id/mataraman/index.php/murabbi>.
- Noor Syaibah, S., Norazilah, J., Norhasima, A., & Syazwana, A. (2016). Perceraian dalam kalangan pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Malaysia Journal of Social Science*, 1, 36–52. Diakses dari <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/50>
- Nur Anis & Nurbazla. (2019). Pelaksanaan Undang Di Mahkamah Syariah Melibatkan Orang Ketiga Dalam Rumahtangga. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 16(1), 15-24. Diakses dari [www.akademiarbaru.com/arsbs.html](http://www.akademiarbaru.com/arsbs.html)
- Rahim, M. A. (1983). A Measure of Styles of Handling Interpersonal Conflict. *Academy of Management Journal*, 26(2), 368–376. Diakses dari <https://www.jstor.org/stable/255985>
- Raihanah. (1970). Poligami di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 5(2), 167–186.
- Ramaraju, S. (2012). Psychological Perspectives on Interpersonal Communication. *Journal of Arts, Science and Commerce*, 3(4(2)), 68–73. Diakses dari <http://connection.ebscohost.com/c/articles/83536607/psychological-perspectives-interpersonal-communication>.
- Rohmad, M. A. (2016). Kesabaran Istri Poligami. *Journal of Islamic Studies and Humanities*, 1(1), 21–36. doi: 10.21580/jish.11.1372
- Tanyid, M. (2005). Konflik Dalam Pernikahan. *Jurnal Jaffray*, 3(1), 19–25.
- Theda Renanita & Jenny Lukito. (2018). Marital Satisfaction in Terms of Communication, Conflict Resolution, Sexual Intimacy, and Financial Relations Among Working and Non-Working Wives. *Makara Hubs-Asia*, 22(1): 12-21. doi : <https://doi.org/10.7454/hubs.asia.1190318>
- Yuliantini, F., Abidin, Z., & Setyaningsih, R. (2008). Konflik Marital pada Perempuan Dalam Pernikahan Poligami yang Dilakukan Karena Alasan Agama. *Jurnal Psikologi*, 1(1),133-162.
- Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad b. Dahalan. (2018). Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. *International Conference On Islamiyyat Studies*. 18-19 September 2018, Hotel TENERA, Bandar Baru Bangi, pp. 302-311.